

Tempat Membasuh Dan Bilik Air



Perbelanjaan penggunaan peralatan elektrik setahun dianggarkan sebanyak **RM400**

Mesin Basuh

- ⦿ Pilih saiz yang bersesuaian mengikut keperluan keluarga.
- ⦿ Mesin basuh automatik jenis muatan atas menggunakan tenaga yang kurang daripada mesin automatik jenis muatan depan.
- ⦿ Kumpulkan basuhan dan basuh dengan muatan penuh kerana ia menggunakan elektrik yang sama dengan muatan separuh.

Seterika

- ⦿ Merupakan penggunaan elektrik yang besar kerana ia memerlukan kuasa **1000w**.
- ⦿ Seterika wap menggunakan lebih elektrik daripada seterika biasa.
- ⦿ Gunakan seterika ringan kerana lebih cepat panas dan kurang menggunakan tenaga.
- ⦿ Gosok pakaian dalam jumlah yang banyak pada suatu masa.

Bilik Air / Mandi

- ⦿ Pasang kepala pancur mandi hujan yang berkualiti dan beraliran perlahan.
- ⦿ Tutup suis di punca kuasa.
- ⦿ Guna pengering rambut pada set rendah.

Pemanas Air

- ⦿ Pemanas air jenis takungan lebih cenderung kepada pembaziran elektrik kerana ia sentiasa memanaskan air walaupun air panas tersebut tidak digunakan.
- ⦿ Pilih mengikut saiz yang bersesuaian (23 - 27 liter sesuai untuk keluarga 4 - 5 orang).
- ⦿ Pemanas solar tidak menggunakan elektrik tetapi kos pembelian tinggi.

Ruang Tamu



Kawasan ruang tamu juga menyumbang kepada penggunaan tenaga yang tinggi. Potensi kepada penjimatan tenaga di ruang tamu juga adalah tinggi.

Penyamanan Udara

Menggunakan penyamanan udara yang bersesuaian mengikut saiz bilik / ruang rumah

Saiz bilik	Saiz unit penyamanan udara (hp)
12 x 12 kaki	< 1
14 x 14 kaki	1 - 1.5
14 x 16 kaki	1.5
15 x 16 kaki	1.5 - 2.0
18 x 18 kaki	2.0 - 2.5
21 x 21 kaki	2.5 - 3.0

Kipas

Bagi kipas **80w** kos penggunaannya lebih kurang **RM7** sebulan dengan memilih kipas yang efisien.

Komputer

- ⦿ Skrin monitor rata lebih cekap dari jenis tiub katod dan dalam mod tidur.
- ⦿ Komputer riba menggunakan **30%** kurang tenaga berbanding komputer meja.

Lampu

- ⦿ Menyumbang **10%** atau kurang bagi keseluruhan jumlah bil elektrik.
- ⦿ Menggunakan seperti lampu LED yang cekap tenaga boleh menjimatkan sehingga **80%** pada jangka masa yang panjang.
- ⦿ Gunakan lampu yang bersesuaian mengikut keperluan.
- ⦿ Gunakan suis fotoelektrik, pemalap dan penentu masa bagi penjimatan selanjutnya.

Hiburan Di Rumah

Mod sedia (standby mode) adalah petunjuk pembaziran elektrik kerana penggunaan mod sedia boleh mengurangkan sehingga **100kW/jam** setahun (**RM22**). Sebagai langkah penjimatan, gunakan peralatan secara efisien, malapkan lampu ruang tamu ketika menonton televisyen atau video dan tutup semua suis peralatan ketika tidak menggunakan.

Dengan kerjasama



JOM SIMAT ELEKTRIK



10%

Anda dapat
mengurangkan
sehingga
**Tanpa
Menjejakkan
Keselesaan
Hidup Anda**

SEKRETARIAT PENGURUSAN TENAGA LESTARI MBPJ

Jabatan Kawalan Bangunan
• Tingkat 2, Bangunan Annex MBPJ,
Jln. Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya
No. Tel : 03-7956 3544 samb. 260



Apakah Kecekapan Tenaga?

Menggunakan sumber tenaga elektrik yang minima serta dapat mengurangkan perbelanjaan untuk penggunaan elektrik.

Mengapa Perlu Menggunakan Tenaga Dengan Cekap?

- ⦿ Mengurangkan Penggunaan Bahan Api Fosil.
- ⦿ Memelihara Alam Sekitar.
- ⦿ Mengurangkan Perbelanjaan Isi Rumah.

Kecekapan tenaga (elektrik) bermakna anda menggunakan tenaga elektrik yang kurang untuk menyempurnakan kerja yang sama di rumah atau di tempat kerja.

Berapakan Kos Penggunaan Peralatan Elektrik Anda?

Penggunaan elektrik di sebuah rumah sangat bergantung pada saiz keluarga, gaya hidup, bilangan serta mutu peralatan elektrik dan tempoh penggunaannya.

3 perkara bagi mengira anggaran kos elektrik:

- ⦿ Kuasa dan kecekapan tenaga peralatan tersebut,
- ⦿ Bilangan jam penggunaan elektrik dalam sehari,
- ⦿ Kadar tarif per kWj bagi bekalan elektrik.

Cara Mengurangkan Bil Elektrik

Menganalisa penggunaan elektrik dan mengenal pasti peralatan elektrik yang boleh dikawal atau digunakan dengan cekap tenaga.

Formula Untuk Menentukan Kos Penggunaan Peralatan Elektrik

1. Kira jumlah penggunaan tenaga dalam unit kWj

$$kWj = \text{Kuasa (Watt)} \times \text{Bilangan jam penggunaan (jam)}$$

1000


kWj - unit pengukuran penggunaan elektrik
k - 1000W = 1kW
W - watt iaitu unit bagi pengukuran kuasa
j - bilangan jam

2. Kira kos tenaga

$$\text{Kos tenaga} = \text{Tenaga (kWj)} \times \text{Kadar tarif elektrik (RM/kWj)}$$

Label Tenaga

Label tenaga telah digunakan untuk peti sejuk sejak tahun 2005. Ia dilaksanakan oleh Suruhanjaya Tenaga dengan kerjasama SIRIM



Bagi peralatan elektrik yang cekap walaupun harganya lebih mahal, ia lebih menamatkan semasa hayat penggunaannya dan penjimatannya melebihi kos pembeliannya.

Penggunaan Peralatan Elektrik Dengan Berhemah

Membeli barang elektrik mengikut kapasiti yang bertepatan.

Ruang Dapur



Hampir **40%** penggunaan tenaga adalah di ruang dapur. Kos rumah sederhana boleh menjimatkan sebanyak **10%** iaitu **RM78** setiap tahun dengan menggunakan barang cekap tenaga.



Peti Sejuk dan Penyejuk Beku

⦿ Peti sejuk tidak seharusnya diletakkan di tempat yang panas seperti di tempat yang terdedah kepada pancaran terus cahaya matahari atau berhampiran dengan dapur memasak.

⦿ Suhu yang diselaraskan pada **18°C** akan menjimatkan penggunaan tenaga elektrik sebanyak **60kWj** setiap tahun iaitu bersamaan **RM13**.

⦿ Ruang perlu disediakan di sekeliling peti sejuk termasuk di bahagian atas, belakang dan tepi bagi membolehkan pengaliran udara



Hud Dapur

Pilih hud dapur yang cekap tenaga kerana ia mampu menjimatkan pembayaran bil elektrik. Hud dapur yang menggunakan motor berprestasi tinggi kurang menggunakan tenaga dan tahan lebih lama.



Cerek

⦿ Cerek elektrik menggunakan tenaga yang kurang berbanding mendidih air menggunakan cerek biasa dengan alat pemanas.

⦿ Pilih saiz cerek mengikut keperluan.

⦿ Lebih besar cerek, lebih banyak masa yang diperlukan untuk memanas air. Oleh itu, penggunaan tenaga elektrik adalah lebih tinggi.



Ketuhar Dan Ketuhar Gelombang Mikro

⦿ Ketuhar elektrik memerlukan penggunaan elektrik yang besar.

⦿ Oleh itu, ketuhar gelombang mikro yang menggunakan tenaga yang rendah boleh menjimatkan tenaga elektrik sebanyak **10-25%**.